

# Perokok tiada peluang jadi calon Pas: Nik Aziz

BH - 13/7/2007

**J**ELI: Pas tidak akan memilih ahlinya yang merokok sebagai calon untuk bertanding pada pilihan raya umum akan datang, kata Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

"Saya tidak akan beri peluang kepada mereka yang merokok. Kalau ada orang lain, saya akan mencalonkannya daripada beri peluang kepada perokok.

"Kita (Pas) tidak memerlukan orang yang tidak mahu mendengar arahan (berhenti merokok)," katanya pada majlis pecah tanah projek perumahan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), di sini, semalam.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, merokok hukumnya haram dan perbua-

tan itu tidak sesuai dengan perjuangan Pas dan kerajaan pimpinannya di Kelantan.

Nik Abdul Aziz juga berkata, Pas bersedia memberi peluang kepada calon bukan Islam bertanding mewakili parti itu jika mampu membawa kebaikan kepada perjuangan parti.

Bagaimanapun, katanya, calon yang akan dipilih itu perlu mempunyai kefahaman tinggi mengenai Islam dan perjuangannya, tidak berjudi dan minum arak, tidak merokok serta mempunyai peribadi baik.

"Sekiranya jawatankuasa pemilihan Pas rasa sudah tiba masa untuk orang bukan Islam bekerjasama dengan Pas bagi merebut kerusi tertentu, ia tidak menjadi masalah," katanya.